

15/08/2002

Tahap perpaduan pelajar IPT masih kukuh, terkawal

PEMIMPIN Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) universiti berpendapat, tahap perpaduan dan integrasi di kalangan pelajar pelbagai kaum di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan masih kukuh dan terkawal, berikutan penganjuran pelbagai kegiatan yang membabitkan semua kaum utama di negara ini.

Mereka menafikan bahawa perpaduan antara kaum di kampus semakin longgar berikutan terlalu banyak aktiviti yang mengasingkan pelajar dari etnik berbeza.

MPP Universiti Putra Malaysia (UPM) mengatakan secara umumnya, kebanyakan aktiviti anjuran pelajar dan pihak universiti membabitkan pelajar pelbagai kaum di negara ini.

Bagaimanapun Presidennya, Mohd Nasir Othman, tidak menafikan bahawa memang terdapat kelab atau persatuan yang berasaskan agama yang mengadakan kegiatan secara berasingan untuk penganut agama masing-masing.

Beliau berkata, MPP tidak boleh campur tangan jika persatuan berasaskan agama mengadakan kegiatan khas untuk penganutnya kerana itu hak mereka.

Selain Persatuan Mahasiswa Islam, katanya, di UPM juga terdapat Persatuan Katholik dan Persatuan Buddha yang khusus untuk pelajar yang menganut agama berkenaan saja.

"Semua program anjuran MPP UPM cuba menarik penyertaan semua kaum bermula daripada penubuhan ahli jawatankuasa projek.

"Bahkan Isnin dan Selasa ini, kami menganjurkan Festival Perpaduan Kaum dengan menonjolkan keunikan budaya kaum Cina, India dan Melayu.

"Kadangkala aktiviti untuk semua umum begini tidak mendapat sambutan daripada kaum tertentu kerana mereka sibuk mengulang kaji pelajaran, lebih-lebih lagi jika hampir dengan ujian atau peperiksaan.

"MPP menghormati sikap pelajar ini kerana sebagai pelajar, mereka memberi keutamaan kepada pengajian dan bukannya kegiatan lain," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, semalam.

Nasir berkata demikian ketika memberi reaksi terhadap kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa perpaduan kaum di universiti kini semakin longgar kerana sesetengah pelajar tidak mahu membabitkan diri dalam aktiviti anjuran pelajar kaum lain.

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan Universiti Tunku Abdul Rahman di ibu negara, kelmarin.

Sementara itu, MPP Universiti Teknologi Malaysia (UTM) juga mengakui pelajar universiti itu juga tidak tinggal sebilik dengan pelajar dari kaum atau agama yang berbeza.

Presidennya, Juhazren Junaidi berkata, keadaan itu dibuat atas permintaan pelajar pada awal tahun 1990-an, kerana mendapati tidak selesa tinggal dengan pelajar dari agama lain.

Bagaimanapun, beliau berkata, pelajar UTM dari semua kaum berinteraksi dengan baik sama ada di asrama mahupun di dalam kelas.

"Di asrama, pelajar kaum berlainan tinggal dalam blok atau tingkat yang sama dan mereka berkongsi kemudahan seperti bilik air tanpa sebarang masalah.

"Namun, ketika di luar kelas, memang terdapat kumpulan yang belajar berasaskan kaum, ini mungkin masalah komunikasi," katanya.